

GAYA KOGNISI DAN GAYA PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH

FATIMAH BINTI HAJI MOHD ZULKAFALY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


2015

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

2 Mei 2013

FATIMAH BINTI HAJI MOHD ZULKAFALY
M20112001171



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya berjaya menyiapkan kajian ini. Pengiktirafan dan pujian istimewa kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Suppiah Nachiappan yang telah banyak memberi dorongan, tunjuk ajar, sokongan, teguran dan nasihat sehingga saya dapat menyiapkan kajian ini. Buat Dr. Velayudhan P. K. Veeran dan Hari Krishnan Andi jutaan terima kasih diucapkan kerana memberi komen yang membina dalam melengkapkan disertasi ini.

Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada umi dan ayah serta keluarga, rakan-rakan seperjuangan yang sangat memahami dan banyak memberi dorongan dan nasihat yang bernas sehingga dapat menyiapkan disertasi ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada pelajar-pelajar sarjana pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim yang memberi kerjasama yang baik dalam menjalankan proses soal selidik dan pengumpulan data kajian.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Raja Nor Safinas binti Raja Harun yang sudi berkongsi dan memberi kerjasama yang baik dalam proses penambahbaikan item-item soal selidik kajian ini.

Semoga Allah memberkati jasa dan usaha dalam menjayakan kajian ini.

Syukur, Alhamdulillah....



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara gaya kognisi dan gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah menengah. Sampel kajian diberi borang kaji selidik yang memiliki tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Berdasarkan analisis statistik pekali *Cronbach Alpha*, indeks kebolehpercayaan bagi konstruk gaya kognisi sistematik adalah 0.84 ($n=18$). Manakala, indeks kebolehpercayaan bagi konstruk gaya kognisi intuitif adalah 0.75 ($n=18$). Indeks kebolehpercayaan bagi konstruk gaya pengajaran reproduktif adalah 0.68 ($n=5$), konstruk gaya pengajaran analitikal adalah 0.83 ($n=18$), konstruk gaya pengajaran kreatif adalah 0.78 ($n=7$) dan konstruk gaya pengajaran praktikal adalah 0.76 ($n=6$). Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan antara gaya kognisi dan gaya pengajaran praktikal ($r=0.59$, $p<0.01$) gaya pengajaran analitikal ($r=0.56$, $p<0.01$) gaya pengajaran kreatif ($r=0.48$, $p<0.01$) dan gaya pengajaran reproduktif ($r=0.45$, $p<0.01$) dalam kalangan guru. Guru perlu menyediakan gaya pengajaran yang selari dengan gaya kognisi mereka kerana terdapat hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

COGNITIVE STYLE AND TEACHING STYLE AMONG SECONDARY SCHOOL TEACHERS

ABSTRACT

This study aimed to identify relationship between cognitive styles and teaching styles among secondary school teachers. Respondents were given questionnaires which possessed high reliability. Based on statistical analysis of Cronbach Alpha coefficients, reliability of systematic style cognitive construct was 0.84 (n=18). Meanwhile, reliability of intuitive style cognitive construct was 0.75 (n=18). Reliability index for reproductive teaching style construct was 0.68 (n=5) analytical teaching style was 0.83 (n=18) creative teaching style was 0.78 (n=7) and practical teaching style was 0.76 (n=6). The result showed that there was significant relationship between cognitive style and practical teaching style ($r=0.59$, $p<0.01$) analytical teaching style ($r=0.56$, $p<0.01$) creative teaching style ($r=0.48$, $p<0.01$) and reproductive teaching style ($r=0.45$, $p<0.01$) among secondary teachers. Teacher should provide teaching style that in line with their cognitive style since there was a significant between both variables.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SINGKATAN/SIMBOL	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Kerangka Konsep	13
1.7 Hipotesis Kajian	14
1.8 Kepentingan Kajian	15

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 7 UNIVERSITI F
1.9	Batasan Kajian	18
1.10	Definisi Operasional	19
1.10.1	Gaya Kognisi	19
1.10.2	Gaya Pengajaran	19
1.11	Rumusan	20
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Tahap Perkembangan Gaya Kognisi	22
2.3	Definisi dan Huraian Gaya Kognisi	
	Menurut Pandangan Sarjana	29
2.4	Model Gaya Kognisi	34
2.4.1	Model Gaya Kognisi (Martin, 1998)	34
2.4.2	Gaya Penyelesaian Masalah (Newman, 1995)	36
2.4.3	Model Gaya Kognisi (Kirton, 1976, 1977, 1989)	40
2.4.4	Model Gaya Kognisi (Agor, 1984, 1989)	41
2.4.5	Model Gaya Kognisi (Rowe & Mason, 1987)	41
2.5	Kajian Berkaitan Gaya Kognisi	42
2.6	Definisi dan Huraian Gaya Pengajaran Menurut Sarjana	49
2.7	Teori Gaya Pengajaran	53
2.7.1	Teori Kecerdasan Berjaya	
	(Palos & Maricutoiu, 2006)	53
2.7.2	Gaya Pengajaran Grasha (2002)	57
2.8	Kajian Berkaitan Gaya Pengajaran	59
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2.9	Kajian antara Gaya Kognisi dan Gaya Pengajaran	66
2.10	Rumusan	71

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 72

3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Lokasi Kajian	75
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	76
3.5	Instrumen Kajian	77
	3.5.1 Instrumen Ukuran Maklumat Diri	77
	3.5.2 Instrumen Ukuran Item Gaya Kognisi	78
	3.5.3 Instrumen Ukuran Item Gaya Pengajaran	79
3.6	Prosedur Pengiraan Skor Soal Selidik	80
	3.6.1 Item Gaya Kognisi	80
	3.6.2 Item Gaya Pengajaran	82
3.7	Kajian Rintis	83
	3.7.1 Kebolehpercayaan Gaya Kognisi	84
	3.7.2 Kebolehpercayaan Gaya Pengajaran	85
	3.7.3 Kebolehpercayaan Instrumen Berbahagi Dua	86
3.8	Kesahan Instrumen Kajian	87
	3.8.1 Kesahan Gaya Kognisi (Martin, 1998)	87
	3.8.2 Kesahan Gaya Pengajaran	
	(Palos & Maricutoiu, 2006)	88
3.9	Prosedur Kajian	89

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 9 UNIVERSITI F
3.10	Analisis Data	91
3.11	Rumusan	94
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	95
4.1	Pengenalan	95
4.2	Pengurusan Data	96
4.3	Dapatan Kajian Berdasarkan Hipotesis Kajian	96
4.3.1	Pengujian H_1	97
4.3.2	Pengujian H_2	98
4.3.3	Pengujian H_3	99
4.3.4	Pengujian H_4	100
4.3.5	Pengujian H_5	102
4.3.6	Pengujian H_6	104
4.3.7	Pengujian H_7	106
4.3.8	Pengujian H_8	108
4.3.9	Pengujian H_9	110
4.4	Rumusan Keputusan Hipotesis Kajian	112
4.5	Rumusan	114
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	116
5.1	Pengenalan	116
5.2	Dimensi Gaya Kognisi Yang Paling Dominan	117
5.3	Dimensi Gaya Pengajaran Yang Paling Dominan	118
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

5.4	Dimensi Gaya Kognisi dalam Kalangan Lelaki dan Perempuan	119
5.5	Dimensi Gaya Pengajaran dalam Kalangan Lelaki dan Perempuan	120
5.6	Hubungan Antara Gaya Kognisi dengan Gaya Pengajaran	121
5.7	Dimensi Gaya Kognisi dan Gaya Pengajaran	125
5.7.1	Dimensi Gaya Pengajaran Reproduktif Bagi Gaya Kognisi Sistemik, Intuitif, Integrasi, Tiada Beza dan Terpisah	125
5.7.2	Dimensi Gaya Pengajaran Analitik, Kreatif dan Praktikal Bagi Gaya Kognisi Sistemik, Intuitif, Integrasi, Tiada Beza dan Terpisah	127
5.8	Implikasi Kajian	129
5.9	Cadangan Kajian Masa Hadapan	135
5.10	Sumbangan Kajian	136
5.10.1	Sumbangan Terhadap Pengetahuan Model dan Teori	137
5.10.2	Sumbangan terhadap Praktikal	139
5.11	Rumusan	140
RUJUKAN		141
LAMPIRAN		
-Borang Soal Selidik		

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Tahap Persetujuan Gaya Kognisi Mengikut Skala Likert	79
3.2 Tahap Persetujuan Gaya Pengajaran Mengikut Skala Likert	80
3.3 Susunan Item Gaya Kognisi (Martin, 1998)	81
3.4 Tahap Gaya Kognisi (Martin, 1998)	81
3.5 Kategori Gaya Kognisi Berdasarkan Skor Sistemik dan Intuitif (Martin, 1998)	82
3.6 Susunan Item-Item Gaya Pengajaran (Palos & Maricutoiu, 2006)	83
3.7 Kebolehpercayaan Konstruk Gaya Kognisi	84
3.8 Kebolehpercayaan Konstruk Gaya Pengajaran	85
3.9 Kebolehpercayaan <i>Spearman Brown</i>	86
3.10 Analisis Faktor Bagi Item Gaya Pengajaran (Palos & Maricutoiu, 2006)	89
3.11 Tahap Kekuatan Hubungan Pemboleh ubah (Cohen, 1988)	92
3.12 Analisis Data Kajian	93
4.1 Taburan Skor Min, Sisihan Piawai dan Varians Skor Bagi Dimensi Gaya Kognisi	97
4.2 Taburan Skor Min, Sisihan Piawai dan Skor Varians Bagi Dimensi Gaya Pengajaran	98
4.3 Gaya Kognisi Berdasarkan Jantina	99
4.4 Gaya Pengajaran Berdasarkan Jantina	100
4.5 Ujian ANOVA Sehalu Gaya Kognisi dan Gaya Pengajaran	
Reproduktif	102

4.6	Ujian <i>Tukey HSD</i> Dimensi Gaya Kognisi Bagi Gaya Pengajaran Reprodktif	103
4.7	Ujian ANOVA Sehal Gaya Kognisi dan Gaya Pengajaran Analitikal	104
4.8	Ujian <i>Tukey HSD</i> Dimensi Gaya Kognisi Bagi Gaya Pengajaran Analitikal	105
4.9	Ujian ANOVA Sehal Gaya Kognisi dan Gaya Pengajaran Kreatif	106
4.10	Ujian <i>Tukey HSD</i> Dimensi Gaya Kognisi Bagi Gaya Pengajaran Kreatif	107
4.11	Ujian ANOVA Gaya Kognisi dan Gaya Pengajaran Praktikal	108
4.12	Ujian <i>Tukey HSD</i> Dimensi Gaya Kognisi Bagi Gaya Pengajaran Praktikal	109
4.13	Hubungan antara Gaya Kognisi dan Gaya Pengajaran	110
4.14	Rumusan Keputusan Hipotesis Kajian	112
4.15	Rumusan Kajian	114

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	14
2.1 Dimensi Gaya Kognisi (Riding & Rayner, 1998)	25
2.2 Model Gaya Kognisi (Martin, 1998)	36
2.3 Gaya Penyelesaian Masalah <i>Coyote</i> (Newman, 1995)	37
2.4 Gaya Penyelesaian Masalah <i>Competitor</i> (Newman, 1995)	38
2.5 Gaya Penyelesaian Masalah <i>Eagle</i> (Newman, 1995)	39
2.6 Teori <i>Triachic</i> Kecerdasan Berjaya (Huffman, 2000)	55

SINGKATAN DAN SIMBOL

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MOE	<i>Ministry of Education</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
<	Kurang Daripada
>	Lebih Daripada
p	Aras Signifikan
α	<i>Cronbach Alpha</i>
dk	Darjah Kebebasan
M	Skor Min
N	Jumlah Sampel
SP	Sisihan Piawai
r	Pekali Korelasi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan kajian ini meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konsep, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional dan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Guru memainkan peranan yang penting dalam mendidik di sekolah. Guru adalah individu yang bertanggungjawab dalam melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Pembentukan modal insan yang seimbang bermula dengan pendidikan formal di sekolah. Penglibatan guru dalam menghasilkan individu yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek memang tidak dapat dinafikan lagi.

Hal ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti melalui sistem pendidikan yang bertaraf dunia. Pembangunan modal insan yang memiliki minda kelas pertama merupakan penentu utama dalam meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Modal insan berminda kelas pertama merupakan individu yang mempunyai pengetahuan yang luas, kemahiran berfikir yang mantap serta memiliki sikap, nilai dan etika yang positif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Penjanaan modal insan yang berkualiti bukanlah suatu agenda yang mudah. Modal insan yang berkualiti dapat dihasilkan sekiranya guru yang berkualiti mampu dihasilkan untuk mengajar di sekolah. Hal ini kerana, kualiti pendidikan yang ditawarkan kepada pelajar di sekolah bergantung kepada kualiti guru yang mengajar di sekolah. Justeru, bagi merealisasikan pembentukan modal insan yang berkualiti, guru perlu memiliki kualiti dari segi gaya pengajaran kerana guru berperanan dalam

mengembangkan potensi pelajar secara profesional di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Gaya pengajaran guru adalah antara faktor penentu kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Gaya pengajaran merangkumi aspek personaliti, kualiti peribadi, perkembangan intelektual, hubungan interpersonal, kaedah, teknik, strategi pengajaran, media instruksional, corak tingkah laku, kepercayaan, pengaruh sosial dan budaya seseorang guru (Grasha, 2002).

Penggunaan gaya pengajaran yang sesuai menentukan keberkesanan perkongsian maklumat antara guru dengan pelajar dan membolehkan pelajar menyempurnakan tugas dengan baik (Shahabudin et al., 2003). Gaya pengajaran diterapkan dalam media instruksional bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap optimum (Bishop & Foster, 2011). Pelajar berupaya melibatkan diri secara fizikal dan kognisi apabila guru menggunakan gaya pengajaran yang relevan dengan isi kandungan subjek (Sanchez et al., 2012) dan menggalakkan penglibatan pelajar di dalam kelas (Friedel & Rudd, 2009). Oleh itu, gaya pengajaran seharusnya diberikan penekanan yang sewajarnya dengan guru bertanggungjawab untuk menyusun setiap pengajaran agar dapat menarik minat pelajar supaya semua maklumat dapat disampaikan secara maksimum.

Terdapat pelbagai jenis gaya pengajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru di dalam kelas. Antaranya, gaya pengajaran yang menggabungkan teori dengan praktikal bagi menggalakkan pembelajaran secara autonomi dalam kalangan pelajar (Pham,

2012). Gaya pengajaran secara sumbang saran dan arahan mampu membantu pelajar merefleksi isi pengajaran dengan lebih baik (Hsieh et al., 2011). Gaya pengajaran berasaskan masalah dan portfolio menggalakkan pelajar menggunakan proses pemikiran aras tinggi (Biggs, 2012). Gaya pengajaran secara aktif dapat membantu pelajar menguasai bahan pembelajaran secara kognisi (Michel et al., 2009). Manakala, gaya pengajaran secara inkuiri dan amali berupaya memenuhi keperluan pembelajaran pelajar, mencipta persekitaran pembelajaran yang selamat dan menggalakkan interaksi antara pelajar (Matteson et al., 2012).

Manakala, gaya pengajaran berpusatkan guru dengan guru dilihat sebagai pakar dengan menggunakan kaedah kuliah, tutorial, bengkel, seminar dan latihan (Bailey, 2008). Gaya pengajaran yang memfokuskan kepada pelajar secara individu mengambil kira pelbagai kecerdasan, mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran secara kooperatif (Lopez & Schroeder, 2008). Gaya pengajaran dua hala membantu pelajar menguasai subjek dan bertindak balas secara kognisi dan afeksi kepada bahan pengajaran (Morgan et al., 2005).

Walau bagaimanapun, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi gaya pengajaran seseorang guru. Di dalam kajian ini, penyelidik mengenal pasti salah satu faktor yang mempunyai kaitan rapat dengan gaya pemikiran dan cara memproses maklumat dalam kalangan guru. Hal ini kerana, gaya kognisi mempunyai kaitan rapat dengan tingkah laku luaran dan proses pemikiran manusia dan mempengaruhi keberkesanan guru di sekolah dan tahap pembelajaran pelajar.

Berdasarkan kajian lepas, gaya kognisi mempengaruhi keberkesanan individu dalam sesebuah organisasi. Gaya kognisi berkait rapat dengan tingkah laku organisasi dan sikap terhadap kerja (Cools & Broeck, 2007) efikasi sendiri dalam kalangan pekerja (Kickul et al., 2009) dan prestasi kerja (Cote & Miners, 2006). Gaya kognisi yang tidak bersesuaian dengan skop kerja juga menyumbang kepada tahap kepuasan kerja yang rendah dan keinginan untuk berhenti kerja (Brigham et al., 2007).

Gaya kognisi yang tidak bersesuaian dengan tuntutan pekerjaan menyebabkan prestasi pekerja menurun dan tahap tekanan meningkat (Chilton et al., 2005). Manakala, gaya kognisi yang tidak sesuai dengan pekerjaan menyebabkan konflik (Kim et al., 2012; Chen et al., 2011; Choi & Sy, 2010; Miao, 2010). Menurut Fuller dan Kaplan (2004), kesesuaian gaya kognisi dengan tuntutan kerja menyumbang kepada kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi. Menurut Kagan (1989), guru yang menggunakan gaya kognisi bukan analitikal cenderung mempunyai tekanan kerja yang rendah. Manakala, gaya kognisi analitikal dan realistik menyebabkan tekanan kerja yang tinggi.

Di samping itu, gaya kognisi juga mempengaruhi tahap pembelajaran pelajar. Gaya kognisi mempengaruhi dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar (Furnham, 2012; Jones & Wright, 2012; Tuan, 2011; Bernandi, 2003; Boyle, 2003; Armstrong, 2000) tingkah laku interpersonal guru (Yu & Zhu, 2011) pemilihan instruksional yang sesuai (Burnett, 2010; Angeli et al., 2009; Henry, 2008; Sadler-Smith & Riding, 1999; Sadler-Smith, 1996; Riding & Douglas, 1993; Hayes & Allinson, 1993; Riding & Sadler-Smith, 1992) pemilihan strategi

pengajaran oleh guru (Montgomery & Groat, 1998; Warren, 1997) program latihan (Hayes & Allinson, 1996) kemahiran membuat keputusan dalam kalangan pelajar (Ahmed et al., 2012) kreativiti dan kemahiran interpersonal pelajar (Sagiv et al., 2010; Ronchetto & Johnston, 1993) tahap kepuasan dengan subjek dan penglibatan dalam proses pembelajaran (Betoret, 2007).

Selain itu, gaya kognisi meningkatkan prestasi akademik pelajar melalui penggunaan aplikasi teknologi seperti blog, laman web dan *podcast* (Hsu, 2007) e-pembelajaran (Oh & Lim, 2005) pembelajaran menggunakan telefon bimbit yang dikenali sebagai pembelajaran secara *ubiquitous* (Chen et al., 2008; Chu et al., 2008; Hwang et al., 2008) sistem adaptif hypermedia (Stash, 2007; Calcaterra et al., 2005; Daniels & Moore, 2000; Ford & Chen, 2000; Daniels, 1996).

Kesimpulannya, gaya kognisi mempunyai impak positif kepada guru di dalam organisasi sekolah dan tahap pembelajaran pelajar di dalam kelas. Oleh itu, faktor gaya kognisi dalam menentukan gaya pengajaran yang diaplikasikan oleh guru di dalam kelas menjadi fokus utama dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Kecemerlangan dalam bidang akademik pelajar merupakan agenda yang utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bagi memastikan kecemerlangan akademik tersebut dapat dicapai, kajian memfokuskan kepada gaya dan teknik pembelajaran yang optimum dalam kalangan pelajar (Dobson, 2010; Gurpinar, 2010; Komarraju, 2011;

Nuzhat et al., 2011; Huang et al., 2012; Kharbet et al., 2013; Samarakoon, 2013). Walau bagaimanapun, menurut Felder dan Henrique (1995) keupayaan pelajar dalam mempelajari sesuatu subjek bukan sahaja bergantung kepada pelajar sahaja tetapi, terletak kepada kesesuaian gaya pengajaran seseorang guru. Hal ini disokong oleh Grasha dan Hicks (2000) yang berpendapat bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, gaya pembelajaran pelajar semata-mata tidak memadai. Gaya pengajaran guru juga perlu dititikberatkan kerana pengajaran guru penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar.

Pelbagai gaya pengajaran yang boleh difokuskan di dalam kelas. Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran yang menumpukan kemahiran 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira serta kaedah penghafalan semata-mata sudah tidak lagi relevan dalam mendepani cabaran dan persaingan global. Kaedah penghafalan hanya bergantung kepada daya ingatan pelajar yang tidak menyumbang kepada penjanaan idea-idea yang baharu dan bernas. Alexander et al., (2010) mendapati kebanyakan guru masih menggunakan pengajaran tradisional di dalam kelas tanpa melibatkan pelajar secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, Moehl (2011) mendapati guru berada dalam keadaan tertekan apabila tidak berupaya melakukan refleksi terhadap gaya pengajaran di dalam kelas. Di samping itu, menurut Newstead (2009), sebahagian guru gagal mengoptimumkan proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Lumadi dan Awino (2009) mendapati guru menengahkan penglibatan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dengan mendominasi sesi tersebut.

Tambahan lagi, Ennis (1987) mendapati hanya kemahiran berfikir aras rendah, iaitu aspek pengetahuan, pemahaman dan praktikal diaplikasikan di sekolah. Kemahiran menganalisis, mensintesis dan membuat penilaian masih belum dikembangkan sepenuhnya di dalam kelas. Walau bagaimanapun, menurut Grasha (2002), terdapat kekangan yang sering dihadapi oleh guru adalah dalam melaksanakan sesuatu gaya pengajaran seperti ciri-ciri subjek, bilangan pelajar dalam suatu kelas, tekanan masa, perkara dalam subjek, tahap pelajar, persiapan untuk peperiksaan, informasi mengenai pendekatan alternatif dalam pengajaran dan ketidakanggupan mengambil risiko dalam memperkenalkan gaya pengajaran yang baharu.

Oleh itu, gaya pengajaran yang menggalakkan proses kognisi dalam kalangan pelajar merupakan alternatif yang tepat kerana kemahiran berfikir secara kreatif, inovatif, praktikal dan reproduktif dapat menyiapkan pelajar untuk mendepani cabaran dalam alam kerjaya dan kehidupan seharian. Pengajaran yang menggalakkan proses kognisi berasaskan kepada konsep konstruktivisme melibatkan proses pemikiran yang kritikal dan optimum.

Kesan negatif akan diperoleh pelajar sekiranya guru gagal mengaplikasikan gaya pengajaran yang tepat kepada pelajar. Pelajar tidak dapat mengembangkan potensi mereka dengan gaya pengajaran guru di dalam kelas. Pendekatan yang diguna pakai oleh guru di dalam kelas tidak membolehkan mereka belajar pada tahap yang optimum. Hal ini kerana, pelaksanaan sesi pengajaran dan penilaian bersifat sempit dan kakudi sekolah (Sternberg & Grigorenko, 2003). Katsioloudis dan Fantz (2012) mendapati bahawa guru berada di “zon selesa” kerana tidak mahu mencuba gaya

Justeru, kedua-dua aspek gaya kognisi dan gaya pengajaran dalam kalangan guru menjadi fokus dalam kajian ini. Hal ini kerana, gaya kognisi mempunyai kaitan dengan gaya pengajaran yang berupaya memberi impak yang positif sama ada kepada

pelajar atau guru. Pelajar mendapat kebaikan dalam memahami gaya pengajaran yang diguna pakai oleh guru. Manakala, guru pula memainkan peranan mereka dalam menyampaikan informasi kepada pelajar dengan gaya pengajaran yang berkesan selaras dengan keperluan pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji hubungan antara gaya kognisi dan gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah menengah. Hal ini kerana, kedua-dua aspek ini merupakan elemen yang mempengaruhi pelajar dan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Secara khususnya, tujuan kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengetahui dimensi gaya kognisi yang paling dominan dalam kalangan guru sekolah menengah.
- 1.4.2 Mengetahui dimensi gaya pengajaran yang paling dominan dalam kalangan guru sekolah menengah.
- 1.4.3 Mengetahui perbezaan bagi dimensi gaya kognisi dalam kalangan responden perempuan dan lelaki.
- 1.4.4 Mengetahui perbezaan bagi dimensi gaya pengajaran dalam kalangan responden perempuan dan lelaki.